



LGM Properties Corporation

Tingkat 3, Bangunan Getah Asli, 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2171 1177 Fax: 03-2171 1151

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah kod bidang yang ditetapkan **atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta masih dibenarkan membuat tawaran sebut harga buat masa ini bagi perkhidmatan seperti berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN
LPCPT – 18/2025	PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL TENAGA KERJA, PERALATAN, BAHAN KIMIA & JENTERA UNTUK KERJA MERACUN KAWASAN GETAH MATANG (FASA 3E) DI LADANG LGM PAHANG TENGGARA SELAMA 24 BULAN	Kod bidang yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 221104/222104 Atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<u>Taklimat / Lawatan Tapak</u> Tarikh : 25 November 2025 (Selasa) Masa : 11.00 pagi Tempat : Ladang LGM Pahang Tenggara KM 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang <u>Jualan</u> Tarikh : 25 November 2025 (selepas taklimat) Masa : 12.00 pagi – 3.00 petang Tempat : Ladang LGM Pahang Tenggara KM 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang Tarikh : 26 Nov 2025 - 28 Nov 2025 Masa : 9.00 pagi – 3.00 petang Tempat : Ladang LGM Pahang Tenggara KM 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang

Syarat Kehadiran Taklimat / Lawatan Tapak

Kehadiran Ke Sesi Taklimat / Lawatan Tapak Adalah WAJIB

Hanya **penama yang tercatat** di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) **sahaja yang dibenarkan untuk hadir** ke sesi taklimat / lawatan tapak. Kehadiran adalah terhad kepada dua (2) penama bagi satu (1) syarikat.

Hanya **syarikat yang menghadiri sesi taklimat sahaja** dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Bagi pembelian dokumen sebut harga, penama **boleh mewakilkan** mana-mana kakitangan syarikat sebagai wakil dengan mengemukakan surat lantikan perwakilan rasmi.

Penama/Wakil yang dilantik dikehendaki membawa cop syarikat dan sijil berkaitan di atas, Surat Akuan Pendaftaran Sales & Service Tax (SST) (jika ada) dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan ketika membeli Dokumen Sebut Harga. Segala kos berhubung permohonan sebut harga ini adalah ditanggung oleh pemohon.

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu yang ditetapkan dengan harga **RM30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran secara wang tunai / cek tidak diterima. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf / Wang Pos) atas nama **LGM Properties Corporation** atau pindahan elektronik ke akaun berikut (***sila kemukakan slip bukti pembayaran semasa pembelian dokumen sebut harga***):-

Nama Akaun	:	LGM PROPERTIES CORPORATION
No Akaun	:	5144 9520 3483
Bank	:	Maybank Banking Berhad (KLCC Branch)
Swift Code	:	MBBEMYKLKLC

Nota:-

- *Syarikat tidak dibenarkan untuk membuat pembayaran dokumen sebelum sesi taklimat / lawatan tapak dilaksanakan.*
- *Bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya penyebut harga gagal memenuhi arahan yang telah ditetapkan.*

Dokumen Sebut Harga yang dihantar perlu dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dicatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga/Tender. Dokumen Sebut Harga/Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan **sebelum atau pada 3 Disember 2025, jam 12.00 tengah hari.**

LGM PROPERTIES CORPORATION
Unit Perolehan
Tingkat 3, Bangunan Getah Asli,
No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
(Peti No. 1)

LGM Properties Corporation (LGMP) tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan. LGM Properties Corporation (LGMP) juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung penyediaan dokumen sebut harga ini, tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan memberikan apa-apa maklum balas sebab sebut harga itu ditolak. Sebarang keputusan adalah muktamad.


Wan Zuraiddi Bin Sulaiman
Pengurus Ladang (G3)
LGM Properties Corporation
Ladang LGM Pahang Tenggara